

## PANTUN: KATA DAN BUNYI MEMBENTUK MAKNA *Words and Sounds Create Meaning*

ASMIATY AMAT

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,  
Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
asmiaty@ums.edu.my

Dihantar/Received: 2 Disember 2023 | Penambahbaikan/Revised: 1 Mei 2024  
Diterima/Accepted: 26 Mei 2024 | Terbit/Published: 30 Jun 2024  
DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i1.5174>

**Abstrak** Pantun adalah puisi lisan Melayu ciptaan peribumi yang ada di Nusantara. Penggunaan pantun dalam semua bentuk komunikasi lisan adalah sebahagian daripada etos budaya lisan. Pilihan kata yang tepat akan memberikan makna yang hebat. Oleh sebab pantun adalah hasil komunikasi bersemuka, maka pantun yang dilontarkan harus bijaksana, halus dan berkias. Dalam kespontanan inilah kecekapan dalam memilih perkataan yang tepat sangat dituntut agar kelangsungan pembicara tidak dianggap biadab, bebal atau mengguris perasaan si penerima. Menerusi pantun, sindiran, kritikan dan teguran disuguhkan secara halus tersirat namun dapat dimengertikan dalam konteks sesuatu situasi. Artikel ini cuba melihat pantun sebagai hasil kreativiti seni berbahasa yang lahir daripada budaya kelisanan. Ia turut meneliti bagaimana pilihan kata dan makna yang terbentuk daripadanya mempengaruhi bentuk, struktur dan pemikiran pantun. Melalui penggunaan data-data pantun tradisional, koleksi pantun yang dianggap paling hampir dengan situasi masyarakat pratulisan dan pramoden dipilih sebagai korpus analisis. Contohnya, pantun dari teks-teks lisan (Brunei) selain daripada koleksi penutur-penutur sastera lisan seperti *Himpunan Pantun Karya Agung Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001), *Koleksi Hamilton* (1959), *Koleksi Pantun Melayu* oleh Wilkinson dan Winstedt (1961). Data dianalisis secara tekstual dengan berpedomankan etnolinguistik sebagai satu kaedah memahami makna menerusi budaya penutur. Dapatan memperlihatkan betapa pemilihan kata dalam pantun yang dihasilkan jelas mempersatukan antara ritma dan makna bagi menjadikan pantun memiliki nilai yang hebat.

**Kata kunci:** Pantun, kelisanan, kata, bunyi dan makna.

***Abstract** Pantun is an oral Malay poem created by the indigenous people in the Nusantara. Its usage in oral communication forms part of the oral culture ethos. A carefully chosen word can carry a profound meaning. Pantun requires wisdom, refinement, and allegory because they occur in face-to-face communication. The spontaneity of uttering and replying to a pantun requires speakers to rapidly choose suitable words to avoid being rude, foolish or hurtful. Pantun allows for sarcasm, criticism, and warnings to be couched, yet the meaning is understandable given the context of a situation. This paper will explore pantun as a creative linguistic art born from oral culture. It will look at how the choice of words and their resultant meanings influence the form, structure and thoughts in pantun. The pantun used in this analysis is a collection of traditional pantuns closest to the pantuns during pre-lettered and pre-modern societies, as an example, pantun from the Bruneian oral tradition and such as Himpunan Pantun Karya Agung Pantun Melayu Bingkisan Pertama (2001), Hamilton Collection (1959), and The Malay Pantuns collected by Wilkinson and Wistedt (1961). Data was analysed using ethno-linguistics to understand the meaning of the speaker's culture. Findings show how the choices of words in pantun produced a unites rhythm and meaning to give value to pantun.*

**Keywords:** Pantun, oral, words, sounds, meaning.

## PENGENALAN

Pantun ialah satu bentuk puisi tradisi Melayu yang asli dan unik. Ia merupakan bingkisan mutiara berharga dalam kehidupan masyarakat di Alam Melayu, baik dari aspek pemikiran, keindahan mahupun pemancaran nilai moral dan sosialnya. Keindahan ini bertambah menonjol menerusi kesantunan nada pengucapan orang Melayu dan dapat dihayati menerusi pantun yang diungkapkan secara spontan dengan kata yang sopan, halus, ringkas tetapi sarat makna. Hal demikian menyerlahkan kebijaksanaan dan ketangkasan pemikiran seniman Melayu menjana makna yang tepat, menerusi pesona gerak hati serta lukisan rasa yang indah disulami kepelbagaian flora fauna

dan lambang alam lain. Ukuran keunggulan pantun Melayu yang tinggi nilai estetikanya ini tidak boleh sama sekali meninggalkan kuplet pembayang tanpa memasukkan fenomena alam semula jadi yang menjadi persekitaran dunia Melayu.

Keindahan pantun dilihat daripada struktur bahasa yang indah dan berentak, tersusun kemas, bernas, dan berisi mesej dan kaya dengan makna yang menjadi ciri umumnya. Namun demikian, sifat utama pantun ialah metaforanya yang perlu difahami dalam konteks budaya penuturnya. Sebagai seni berbahasa yang mementingkan ketepatan makna, sesebuah pantun yang bernilai tinggi bukan sahaja menzahirkan susunan kata yang indah berima dan berentak tetapi kualiti pantun juga haruslah ditentukan dengan pemaknaan yang tepat. Pantun sebagai salah satu bentuk puisi Melayu tradisional sememangnya dibentuk oleh kata-kata yang mantap dan sarat dengan idea serta maksud yang tersirat. Dalam hal untuk memberi pencirian pada pemilihan kata yang terbaik, menjadi satu tugas yang bersifat subjektif dan fleksibel. Walaupun pilihan susunan kata penting bagi menyampaikan maksud pantun kepada khalayak pendengar dan pembaca, perkataan tidak boleh berdiri sendiri oleh kerana pantun adalah kesatuan wacana yang lengkap.

### **Kajian Lepas, Permasalahan dan Objektif Kajian**

Secara sederhana, kualiti dan keunggulan mutu sesebuah pantun tidak hanya ditentukan dengan tujuan pemaparan estetika, iaitu bentuk luaran teks yang sengaja diperindahkan tanpa memperhitungkan konteks situasi atau maksud sebagai tujuan utama komunikasi. Keseimbangan antara isi/maksud pantun dan kulit adalah ciri utama ketinggian mutu sesebuah pantun. Sebagaimana dalam contoh P1:

P1.

Yang kurik kundi

Yang merah saga

Yang baik budi

Yang cantik bahasa.

(Harun Mat Piah, 2001:131)

Keunggulan PI diserahkan dengan pemaknaan nilai budi, dipandang mulia sesuai dengan konteks situasi budaya Melayu yang menempatkan manusia berbudi dipandang tinggi. Lazimnya orang yang berbudi, baik pula bahasanya dan sebaliknya. Sesuai benarlah penegasan makna budi disampaikan pemantun dengan lembut, santun beradab, berjiwa adat Melayu. Pantun yang unggul harus indah penzahirannya serta cantik inti pati fikiran atau gagasan yang disampaikan. Pilihan perkataan yang tepat pada dua kuplet pembayang membentuk irama rentak lagu yang tersusun harmoni, pada rima akhir yang ditandai dengan a, b, a, b; kundi = budi, saga = bahasa. Adakala pantun juga boleh diakhiri dengan rima a, a, a, a namun keindahan bunyi rima tersebut tidak sehebat akhir a, b, a, b.

Alias Yunos (1966) dalam *Pantun Melayu Sastera Rakyat* menghimpunkan pantun yang dikumpulkan di Melaka dan Negeri Sembilan mengklasifikasikan pantun berdasarkan tema seperti pantun asmara, pantun kanak-kanak dan pantun adat. Turut dimuatkan adalah cara untuk memahami pantun simbol menerusi dua baris maksud. *Kumpulan Pantun Melayu* yang diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1983 merupakan antara buku yang membincangkan secara meluas berkenaan struktur, tema, ciri, fungsi dan pengaruh pantun dalam masyarakat. Francois-Rene Daillie dengan karya berjudul *Alam Pantun Melayu*, 1988 secara mendalam memperlihatkan keistimewaan yang dimiliki oleh pantun Melayu, status pantun Melayu dalam kesusasteraan dunia, menghuraikan pantun Melayu mengikut tema dan sebagainya. Daillie (1988: 6) mengatakan bahawa pantun memberikan gambaran ringkas kehidupan dan alam orang Melayu bagai dalam sebutir pasir. Di dalamnya tergambar semua unsur kehidupan manusia Melayu meliputi tanah, rumah, kebun, ladang, sawah, sungai, laut, gunung, hutan, pepohonan, buah-buahan, binatang, burung, ikan dan sebagainya yang berkaitan hal-hal bersahaja dalam kehidupan seharian. Pantun juga mengekspresikan adat istiadat dan kebiasaan, kearifan, kepercayaan dan perasaan orang Melayu tentang segala hal, termasuk cinta mereka kepada sesama manusia, cinta kasih lelaki dan wanita, serta cinta kepada Tuhan dan para nabi.

Aspek bahasa dalam kajian pantun yang disentuh oleh Harun Mat Piah (1989), yang menyebutkan bahawa pantun termasuk dalam puisi kata (*woordvers*). Dalam setiap baris mengandungi empat perkataan dan empat baris serangkap dan adakala memiliki enam baris serangkap. Kebiasaannya rima akhirnya adalah a, b, a, b atau a, a, a, a dengan sedikit kekecualian dan variasi sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Setiap rangkap terbahagi kepada dua unit, iaitu pembayang atau sampiran dan maksud setiap rangkap dapat melengkapkan keseluruhan idea yang ingin disampaikan. Pembayang pantun sebagai sampiran adakala memiliki kaitan dengan maksud yang terdapat dalam baris maksud, namun ia juga boleh jadi tidak berkaitan sama sekali. Ketatnya ciri penciptaan pantun menyebabkan keterbatasan ruang dan seterusnya menyebabkan mesej yang ingin diungkapkan harus dipadatkan sebaik mungkin. Secara tidak langsung, keadaan ini menyerlahkan kemahiran dan ketinggian daya fikir masyarakat pencipta pantun sejajar dengan pandangan Muhammad Hj Salleh (1986) bahawa pantun memperlihatkan kebijaksanaan dan kesempurnaan seni bahasa orang Melayu.

Kajian yang mengkhusus pada kata sebagai elemen utama binaan pantun dilakukan oleh Amat Juhari Moain (2008) dalam tulisan berjudul *Pemilihan kata dalam pantun Melayu*. Pemilihan kata yang dimaksudkan merangkumi ungkapan struktur ayat, gaya yang tepat, frasa dan kaya serta memiliki nilai estetika yang tinggi bertujuan memberi makna jelas dan berkesan. Begitu juga kajian *Wacana Pantun Melayu* (2016) merupakan esei yang khusus membicarakan pantun dengan tulisan Salinah Jaafar menggunakan disiplin linguistik, iaitu fungsi leksikal alam dalam pantun peribahasa. Pantun dalam konteks kajian mutakhir turut melibatkan Lokman Abdul Samad (2017) dengan mengkaji Pantun Brunei dengan menggunakan analisis stilistik yang menggambarkan ciri gaya pantun orang Brunei di Sabah. Demikian juga kajian-kajian pantun yang dilakukan oleh sarjana dalam tesis PhD seperti Pantun Cocos (Isa Romtie *et al.*, 2022) dan Sudawil atau *talaala* Dusun (Roslia Kiting, 2016). Kajian-kajian tersebut memfokuskan kepada nilai pengajaran dan tema dalam pantun-pantun etnik berkenaan.

Sebagai puisi kata, unit minimum yang menjadi ciri penting adalah perkataan. Berbeza dengan bentuk daripada golongan yang menjadi unit minimum adalah suku kata, tekanan atau kelompok kata. Sehubungan dengan itu, penekanan kepada unit perkataan (Harun Mat Piah, 1989; xxii).

Puisi perkataan (*wordvers*) hanya boleh berlaku dalam bahasa aglutinatif, iaitu yang menentukan bahawa perkataan-perkataan dapat berdiri sendiri tidak dapat dipisahkan, tetapi sebatu dalam erti yang tetap. Bahasa aglutinatif dapat dilihat melalui bahasa-bahasa Nusantara termasuk bahasa Melayu. Terangkumnya ikatan empat perkataan sebaris dan empat baris serangkap dalam puisi Melayu tradisional itu dapat dilihat dengan jelas melalui beberapa contoh yang terpapar di bawah. Dalam setiap baris mengandungi empat perkataan dan empat baris serangkap. Sebagai puisi kata, unit minimum adalah suku kata, tekanan atau kelompok kata.

Sapu tangan punca pelekat  
Pakaian anak raja di Judah  
Luka di tangan dapat dilihat  
Luka di hati bilakan sudah

(Winstedt, 1961:92)

Pantun sebagai bunyi pula diutarakan oleh Noriah Taslim (2010: 55) yang menyatakan bahawa pantun wujud dalam suatu ruang yang didominasi oleh bunyi (*sound dominated world*), yakni sebuah dunia yang seluruh komunikasinya perlu diujarkan dan diperdengarkan. Keadaan ini memberi kesan terhadap bentuk pantun. Demikian pantun menjelmakan suatu bentuk struktur yang hampir sepenuhnya dibina oleh bunyi dan bunyi tersebut pula disusun dan dipolakan untuk menjana satu simfoni bunyi yang tertib, harmonis dan merdu pada pendengaran seperti struktur bunyi pada pantun di bawah:

Rosak pandan kerana padi  
Rosak padi kerana bunganya  
Rosak badan kerana budi  
Rosak budi kerana orangnya

Noria Taslim dan Amin Sweeney sepakat menggambarkan bahawa sebagai sastera lisan, bunyilah yang membentuk kata dan ia bertujuan untuk membantu ingatan. Bunyi atau ujaran merapu (*nonsensical utterances*) dibahaskan sebagai *fillers* (pemenuh) oleh Sweeney (1973) dan berfungsi sebagai alat pelapik (*padding*) dan penting dalam penyampaian lisan yang memerlukan kelancaran (Noriah Taslim, 2010: 20). Contoh ujaran merapu adalah seperti yang terdapat dalam penyampaian Awang Batil, “ ambo juga nga la nga ke ng ini: aya juga ng amboi ni (Sweeney, 1973). Ujaran merapu ini banyak ditemukan dalam pantun-pantun peribumi yang dihasilkan masyarakat peribumi di Sabah.

Antara kata dan bunyi, kedua-dua sarjana terbabit mempunyai hujah masing-masing berdasarkan corak pendekatan kajian yang berbeza dalam memperlihatkan kualiti binaan serangkap pantun. Jika terlalu memfokuskan pemilihan perkataan yang indah, ia belum tentu menjamin mesej yang disampaikan dapat difahami dan ditafsirkan dengan baik oleh pendengar. Dengan mengandaikan pantun adalah puisi bunyi menunjukkan bahawa orang Melayu tidak mementingkan makna kerana mereka hanya bijak memanipulasi bunyi untuk tujuan keindahan semata-mata. Hal ini tidak tepat dalam memperkatakan pantun sebagai alat pengucapan Melayu yang sering digunakan dalam majlis rasmi seperti urusan pinang meminang yang memerlukan ketepatan makna. Oleh hal yang demikian, makalah ini diusahakan untuk meneliti penemuan Harun Mat Piah (1989) tentang pantun sebagai puisi perkataan dan perbincangan Noriah (2010) yang mengatakan bahawa pantun sebagai puisi bunyi. Kedua-dua pendapat mereka ini sudah memadai untuk menjadi permulaan berkenaan estetika pantun. Oleh itu, makalah ini diusahakan untuk membahas tentang kedudukan pantun yang baik berdasarkan kata, bunyi dan makna yang merujuk kepada keunggulan sebuah penciptaan pantun.

Terdapat tiga persoalan yang diberi fokus dalam menyatakan keunggulan pantun sebagai alat pengucapan budaya cerminan masyarakat Melayu. Adakah hanya dengan pemilihan kata yang tepat mampu memberikan maklumat budaya? Kedua, bagaimana hubungan bunyi dengan binaan pantun dan ketiga, adakah wujud sinergi dalam mentafsir makna antara pemantun (penutur) dengan khalayak masyarakat (pendengar).

Kata, bunyi dan makna adalah rangkuman dalam memerihalkan kedudukan pantun sebagai sastera lisan atau *verbal art performance*.

## Metodologi

Tumpuan penelitian ini diberikan kepada data-data pantun yang telah dibukukan sebagai bahan kajian. Teks-teks terpilih pantun seperti *Himpunan Pantun Karya Agung Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) koleksi Hamilton (1959), koleksi pantun Melayu oleh Wilkinson dan Winstedt (1961) dan Alias Yunos (1966). Kajian lapangan turut digunakan dalam mengumpulkan data yang terdiri daripada teks lisan Brunei daripada koleksi penutur sastera lisan yang dilakukan dengan temu bual bersama informan bernama Duraman bin Maidin yang merupakan penyumbang pantun aktif. Walaupun buta huruf, tapi beliau sangat petah berpantun secara spontan.

## Konsep Etnolinguistik

Kajian yang digunakan untuk menelaah bahasa teks dalam pantun adalah kajian etnolinguistik atau lebih dikenal dengan sebutan Linguistik Antropologis. Foley (1997: 3-5; Giles, 1987: 70-71) mengungkapkan bahawa linguistik antropologis (etnolinguistik) adalah cabang linguistik yang mengkaji bahasa dalam konteks sosial dan budaya yang lebih luas yang berperanan sebagai penopang perilaku kebudayaan dan struktur sosial. Linguistik antropologis memandang bahasa melalui sudut pandang konsep antropologis kebudayaan seperti mencari makna yang tersembunyi di balik penggunaan kata, kesalahan mahupun perbezaan bentuk, *register*, dan gaya pengucapan. Pengertian tersebut menunjukkan bahwa linguistik antropologi (etnolinguistik) bersifat interpretatif yang membahas masalah kebahasaan untuk menemukan bentuk pemahaman budaya yang ada (*cultural understanding*). Sedangkan, Kridalaksana dalam *Kamus Linguistik* (2011:59) mengungkapkan bahwa salah satu aspek etnolinguistik (linguistik antropologi) yang menonjol adalah relativitas bahasa, iaitu wujud hubungan antara bahasa dan sikap masyarakat terhadap bahasa itu sendiri.



Etnolinguistik pada umumnya menelaah bahasa terutama dari segi fungsi dan pemakaiannya dalam konteks situasi sosial budaya. Baehaqie (2013; 17) menyebutkan bahwa bidang telaah etnolinguistik tersebut dalam hal ini adalah fenomena kebahasaan yang terkait dengan unsur-unsur kebudayaan. Berdasarkan hal tersebut dapat dilihat bahwa bahasa dan kebudayaan merupakan dua hal yang tidak dapat dipisahkan. Bahkan, secara tegas Duranti (1997: 25) menyebutkan bahwa “...to describe a culture is like describing a language...”. Sibarani (2004: 46) menambah bahwa melalui bahasa, orang luar mampu memahami budaya penutur sesebuah bahasa. Kebudayaan dan bahasa berkait rapat. Bahasa merupakan salah satu hasil dari kebudayaan manusia. Sementara budaya manusia pun banyak yang dipengaruhi oleh bahasa. Dengan kata lain, kedua-dua aspek tersebut saling melengkapi bertumpang tindih dan saling mendominasi antara satu sama lain.

Oleh hal yang demikian, tentu sahaja adakalanya apa yang tampak dalam budaya akan tercermin dalam bahasa, atau juga sebaliknya. Hal tersebut diakui oleh Sobur (2016: 290) yang menyatakan bahwa bahasa merupakan cerminan pemahaman pemakai bahasa tentang kebudayaannya, masa silam dan masa sekarang. Melalui bahasa dapat diketahui nilai-nilai budaya yang dijunjung oleh masyarakat penuturnya. Koentjaraningrat (2015: 153) mengungkapkan bahwa nilai-nilai budaya dalam suatu kebudayaan berada dalam daerah emosional dari alam jiwa para individu yang menjadi warga dan kebudayaan bersangkutan. Sebagai sebuah disiplin ilmu yang mengkaji hubungan bahasa dengan budaya, telaah kajian etnolinguistik biasanya berupa fakta-fakta kebahasaan dan dilanjutkan dengan fenomena kebudayaan yang ada pada masyarakat tertentu sesuai dengan objek kajian.

## **Perbincangan**

Pantun adalah ragam puisi warisan budaya lisan dalam masyarakat Melayu yang diciptakan sebelum mereka mengenal huruf dan sistem tulisan. Sebagai ciptaan asli peribumi Nusantara, pengertian pantun sebagai pepatah atau peribahasa ada perkaitannya dengan perkataan dan pengertian yang sama dalam bahasa-bahasa Nusantara yang lain (Harun Mat Piah, 1989; 107). Hal demikian tidaklah menghairankan kerana sebagai masyarakat pedagang dan perantau, leluhur Melayu tersebar di seluruh pelosok Nusantara sebelum

mereka pandai menulis dan membaca. Wahana komunikasi dengan pantun boleh sahaja berlaku secara formal mahupun tidak disengajakan secara spontan kerana sudah melekat dalam minda dan sangat akrab dengan penuturnya. Dalam transformasi lisan kepada teks bertulis, adakalanya pemahaman atau penggunaan perkataan terasa janggal kerana tidak sepadan dengan gambaran konteks situasi. Apabila muncul teknologi percetakan pada akhir abad ke-19, koleksi pantun telah diterbitkan dalam pelbagai dialek Melayu seperti Betawi, Minangkabau, Peranakan Jakarta dan Melaka, dan bahasa-bahasa lain seperti Ambon dan Aceh. Kini, terdapat kira-kira beratus buah manuskrip pantun yang dikumpulkan di perpustakaan di Jakarta, Leiden, Paris, London dan Berlin.

Kebanyakan pantun yang dikumpulkan itu dikutip pada akhir abad ke-19 dan dimuatkan dalam pelbagai koleksi oleh sarjana dari England, Belanda dan Jerman. Secara sederhana, kualiti sebuah pantun yang ditulis tidak hanya ditentukan dengan tujuan pemaparan estetika, iaitu bentuk luaran teks yang sengaja diperindahkan tanpa memperhitungkan konteks situasi atau maksud sebagai tujuan utama komunikasi.

P1

Yang kurik kundi  
Yang merah saga  
Yang baik budi  
Yang cantik bahasa

(Harun Mat Piah, 2001; 131).

Keunggulan P1 diserahkan dengan pemaknaan nilai budi yang dipandang mulia sesuai dengan konteks budaya Melayu yang menempatkan manusia berbudi dipandang tinggi. Lazimnya yang berbudi baik pula bahasanya. Sesuai benarlah penegasan makna budi disampaikan pemantun dengan lembut, santun beradab berjiwa adat Melayu. Pantun yang unggul harus indah penzahirannya serta cantik inti pati fikiran gagasan yang disampaikan. Pemilihan perkataan yang tepat pada dua kuplet pembayang membentuk irama rentak lagu yang tersusun harmoni, pada rima akhir yang ditandai dengan ab,ab; kundi=budi; saga=bahasa.

P2

Buah langsung kuning mencelah  
Senduduk tidak berbunga lagi  
Sudah dapat gading bertuah  
Tanduk tidak berguna lagi

(Harun Mat Piah, 2001, xxi)

Pantun tersebut memperlihatkan pilihan kata; langsung - dapat; kuning mencelah - gading bertuah; senduduk - tanduk; berbunga lagi - berguna lagi, mempamerkan kecekapan dalam memanipulasi bunyi tanpa meminggirkan makna mendalam yang cuba disampaikan. Sebagai suatu bentuk sindiran halus, si pemantun masih berjaya mengekalkan kehalusan tutur kata tanpa menyinggung perasaan pendengarnya. Dalam transformasi lisan kepada teks bertulis, adakalanya pemindahan tersebut terasa janggal kerana tidak sepadan dengan gambaran realiti dalam konteks budaya sebenar. Malahan, ada juga cubaan untuk menggantikan perkataan pisang emas kepada buah nanas bagi tujuan keindahan dalam penulisan. Menurut Alias Yunos (1966), 'dalam pengulangan kata emas, dalam satu rangkap yang sama bukan menunjukkan ciri penulisan pantun yang baik kerana ia bertujuan menjaga keindahan bahasa, perkataan nanas lebih sesuai digantikan'.

Versi lisan

P2

Pisang emas dibawa belayar  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati

Versi tulisan

P3

Buah nanas dibawa belayar  
Dimakan sebiji di Tanjung Jati  
Hutang emas boleh dibayar

Hutang budi dibawa mati  
(Alias Yunos, 1966:13)

Berdasarkan P2 dan P3, secara seimbans lalu penukaran buah nanas untuk menggantikan padanan makna pisang emas tidak memberikan sebarang impak kerana pembaca atau pendengar masih memahami makna yang disampaikan. Namun dalam konteks budaya pelayaran Melayu, lazimnya membawa pisang emas dan bukan buah nanas. Pisang emas dikatakan masak satu persatu secara beransur-ansur dan tidak masak sekali gus. Oleh itu, ia tahan dan tidak cepat busuk dan sesuai dibawa belayar. Pisang emas sesuai dijadikan bekal sebagai pengalas perut tetapi turut dipercayai menjadi penawar mabuk laut. Agak ironi dengan ketidaksepadanan buah nanas untuk menghilangkan rasa lapar semasa di laut kerana buah nanas yang memiliki rasa manis masam dianggap makanan yang ‘tajam’ dan berbisa (sejuk) dipercayai boleh menyebabkan angin dalam perut. Sudah menjadi pantang larang orang tua-tua tidak membenarkan wanita terutama ibu-ibu mengandung untuk makan buah nanas kerana dikhuatiri mendatangkan bahaya kepada kandungan.

Oleh sebab kesesuaian padanan makna pisang emas dan hutang emas, maka penuturan secara lisan pantun tersebut tidak menimbulkan sebarang kecacatan. Namun demikian, usaha penulisan semula dengan menggantikannya dengan buah nanas dan hutang emas menimbulkan kejanggalan budaya. Pengulangan bukanlah ciri pembaziran atau membawa kesan statik dalam pantun sehingga perkataan boleh ditukar sesuka hati tanpa merujuk pada budaya penuturnya. Dalam hal ini, Noriah Taslim (2010) menyebutkan tujuan pengulangan sebagai salah satu ciri gaya bahasa lisan dengan adanya unsur perulangan (anafora, epifora) pada ungkapan dan perkataan.

Tambah beliau lagi, dalam budaya lisan perulangan adalah salah satu mekanisme mnemonik yang penting. Namun, perulangan daripada sudut penulisan adalah teknik penggunaan perkataan yang dianggap statik, berlebih-lebihan dan boros, justeru dilihat sebagai satu kelemahan. Namun dalam budaya lisan, perulangan adalah teknik bijak bukan sahaja untuk membantu ingatan tetapi membangkitkan ritma yang juga penting untuk

hafalan. Sehubungan dengan itu, Ong (1982) menyatakan budaya lisan itu bersifat 'redundant atau copious'. Walaupun perulangan menyarankan adanya pemborosan kata-kata yang seolah-olah bertentangan dengan keperluan bentuk pantun kepada penjimatan bahasa, tetapi dalam pantun, perulangan tidak menjejaskan kepadatan bentuknya. Hal ini demikian kerana yang diulang adalah perkataan yang sama dan kemunculannya berlaku dalam kawalan sukatan baris pantun. Contohnya;

P4

Kalau padi katakan padi  
Jangan saya tertampi-tampi  
Kalau jadi katakan jadi  
Jangan saya ternanti-nanti  
(Hamilton)

Muhammad Taib Osman (1986: 9) menyatakan bahawa perhubungan antara dua baris pantun (pembayang) dan dua baris makna secara tekniknya berfungsi membentuk struktur pantun dan juga bertujuan untuk memberikan nilai kepada masyarakat. Dua baris pertama bukan sahaja bertujuan memandu rentak penciptaan dua baris makna. Pembentukan ritma ini sangat penting dalam penciptaan pantun bagi memperlihatkan penciptaan pantun yang baik atau sebaliknya. Tambah beliau, pantun adalah satu kaedah pengucapan yang indah. Ketika berbalas-balas pantun, masyarakat Melayu mampu mengungkapkan hasrat hati dengan cara yang berbeza daripada perbualan sehari-hari.

Bagi Vladimir Braginsky (2006: 281) pula, pengulangan kata, unsur paralel, asonansi dan aliterasi dalam sebuah pantun mampu meningkatkan keunggulan sesebuah pantun. Menerusi kajian beliau menyatakan bahawa;

*...(s)semantic association support phonetic associations that link puzzle to their answer. Similarly, combination of phonetic and semantic features form basis of hook and content in pantun*  
(Braginsky, 2004: 493)

Kata adalah unsur bahasa yang diucapkan atau dituliskan dalam pantun. Pemilihan kata yang baik dan tepat menentukan mesej yang dihantar

sampai dan mampu mengusik emosi pendengar. Berdasarkan pantun berikut, pilihan kata yang tepat menimbulkan kesan bunyi berentak yang beralau dan berentak dengan mesej yang disampaikan jelas menekankan kepentingan makna. Pilihan kata yang tepat menunjukkan Pulau Pandan dan Gunung Daik menzahirkan realiti alam semula jadi yang benar-benar wujud di Kepulauan Riau dan bukan imaginasi rekaan pemantun. Padanan bunyi rima yang sama di tengah, pandan-badan, Daik-baik serta perkataan akhir yang dipilih tengah-tengah, tiga-juga; turut menambah keunggulan pantun sebagai ciptaan terbaik.

P5

Pulau Pandan/jauh ke tengah - a  
Gunung Daik bercabang tiga - b  
Hancur badan di kandung tanah - a  
Budi baik dikenang juga - b  
(Harun Mat Piah, 2011)

Selain kata-kata fungsional, pantun turut menggunakan bentuk kata-kata ringkas seperti nak (hendak), dah (sudah), tak (tidak), lah (telah) dan lain-lain perkataan dipakai bagi maksud yang sama. Penggunaan kata-kata ringkas dalam pantun disebabkan budaya kelisanan yang terbawa-bawa oleh pemantun bukanlah tujuan utamanya untuk sengaja mengindahkan bunyi pantun tersebut. Jika kita menukarkan satu contoh di bawah dengan penulisan nahu bahasa Melayu baku, maka rentak irama akan menghilangkan konteks kelisanan yang seterusnya menukarkan kepada *mood* situasi formal. Contohnya, **nak** ditukarkan kepada **hendak**; Contoh yang menggunakan kata-kata ringkas adalah seperti berikut.

P6

Mengkudu di ujung tanah  
Dibuat sampaian kain  
**Nak [hendak]** sekubur kurang tanah  
**Nak [hendak]** sekapan kurang kain \_

Di samping contoh-contoh tersebut, terdapat juga dua atau lebih perkataan yang mewakili satu konsep dan dianggap satu perkataan.

Perkataan itu seperti angka empat belas, dua puluh, lima puluh tiga dan angka-angka yang lain. Selain itu, perkataan khas atau penerangan kepada nama juga merupakan satu perkataan seperti ungkapan-ungkapan yang tetap, seperti **Bismilahi-rahmanir-rahim**, **Lailahailalah** dan perkataan-perkataan lain lagi. Hal ini dapat dijelaskan dari contoh-contoh di bawah.

P7

**Lailahailalah** jangan kau lalaikan  
Siang dan malam jangan kau sunyikan  
Selama hidup juga engkau pakaikan  
Allah dan Rasul juga yang menyampaikan  
(Duraman bin Mading, 85 tahun)

### Implikasi

Walau bagaimanapun, berdasarkan contoh-contoh berikut pula diciptakan pantun berdasarkan pilihan kata dengan bunyi yang tidak mengandungi sebarang makna. Tun kalamun tun, nol-nol nang, cuk-cuk surapit, ting-ting dan pat-pat gulambir. Pantun berkenaan bolehlah dikategorikan dalam skema sederhana baik atau kurang baik berdasarkan bentuk pilihan kata, bunyi dan makna.

P8

Tun kalamun tun  
Kailku saga-saga  
Banyak urang bajuntun  
Kailku kana aga

P9

Nol nol nang  
Taubuk padabg basi  
Si awang mangaga tunang  
Makan bubuk dnegan nasi

P10

Cuk cuk surapit  
Surapit daun limau  
Siapa tarkapit  
Jadi antu rimau

P11

Ting ting kapala tikus  
Usin satusin jadi saratus

P12

Pat-pat gulambir  
Siapa dapat ia mengambil  
(Duraman bin Maidin, 85 tahun)

Kata-kata yang dilafazkan dalam pantun tersebut dimaklumi, cepat hilang; yakni setelah diucapkan kata tersebut menjadi udara. Bunyi hanya hadir sebentar. Namun, kata-kata yang baru disebut atau dinyanyikan itu telah menekan gendang telinga kita, memberi kesan dan terakam pada ingatan serta fahaman. Dalam perbuatan tidak sedar ini, apa yang dipersembahkan oleh pantun-daripada bunyi, rentak, pembayang dan maknanya, serta perasaan yang terlukis dalam pembayang atau maksud-dan seterusnya menyimpul dan memberi makna pada seluruh pantun tersebut (Muhammad Hj Salleh, 2005: xxiv).

## KESIMPULAN

Pantun merupakan sastera lisan yang diturunkan dari generasi ke generasi dengan tujuan utama untuk mendidik dan hiburan. Pantun tidak diciptakan hanya untuk memaparkan keindahan bahasa semata. Sebagaimana seorang wanita yang cantik harus mempunyai adab yang tinggi serta memberi manfaat pada lingkungan, yang diistilahkan sebagai cantik zahir dan batin. Dengan kata lain, penciptaan pantun tidak hanya dituntut pada keindahan bahasanya tetapi harus memiliki makna yang dapat menggambarkan konteks budaya pengucapnya, barulah ia dianggap sebagai mencapai kesempurnaan.



Malah, unsur-unsur bentuk binaan pantun adalah; unsur kata, unsur bunyi dan unsur makna, semua unsur tersebut memiliki fungsinya masing-masing dan sesuai dalam membentuk binaan bahagian struktur tubuh pantun. Unsur kata berfungsi untuk menyampaikan maksud pantun, manakala unsur bunyi untuk memberikan kesan puitis dan menghidupkan makna sebagai gaya penyampaian pantun. Secara sederhana dapat dikatakan bahawa unsur-unsur binaan pantun yang telah dijelaskan secara dasarnya berfungsi untuk menjadikan keunggulan pantun sebagai karya agung Melayu. Seyogianya diperingatkan bahawa untuk membuat suatu pantun yang unggul, seniman terdahulu tidak perlu memaksakan untuk menggunakan unsur-unsur yang telah dibincangkan. Keindahan yang terpancar dalam pantun yang unggul terjadi kerana gabungan mantap kesemua unsur yang dinyatakan.

---

\* Artikel ini adalah penambahbaikan daripada artikel yang pernah dibentangkan bersama (Allahyarham Lokman Abdul Samad) dalam Seminar Linguistik dan Pembudayaan bahasa Melayu ke-10 anjuran Universiti Putra Malaysia dan DBP di Kota Bharu, Kelantan pada 6-7 Februari 2018.

## BIBLIOGRAFI

- Alias Yunos. (1966). *Pantun Melayu sastera rakyat*. Penerbitan Federal.
- Amat Juhari Moaian. (2008). *Pemilihan kata dalam Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baihaqie, I. (2013). *Etnolinguistik telaah teoretis dan praktis*. Cakrawala Media.
- Braginsky, Vladimir. (2004). *The heritage of traditional Malay literature. A history survey of genres, writings and literary views*. Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor Taal-Land-en Volkenkunde 214: KITLV Press.
- Braginsky, Vladimir. (2006). Meaning of the sound: Magic and Sufi mysticism in the phonic structure of the Malay charm and chant. *Indonesian and the Malay World*, 34, 281-314. <https://doi-org/10.1080/13639810601130168>.
- Duranti, A. (1997). *Linguistic anthropology*. Cambridge University Press.
- Francois Rene Daille. (1988). *Alam Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Giles, Howard. (1987). *Ethnolinguistic identity theory. A social psychology approach to language maintenance*. chrome extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/<https://www.researchgate.net/profile/Howard-Giles-2/publicatio.4/5/2024>.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Harun Mat Piah. (2007). *Pantun artifak budaya*. Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Isa Romtie, Asmiaty Amat & Norhuda Salleh. (2022). Tema pantun Cocos di Sabah. *Jurnal Pendeta*, 13 (1). <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/6249>.
- Leech, Geoffrey. (2003). *Semantik* (Terjemahan Paina Partana). Pustaka Pelajar.
- Lokman Abdul Samad. (2017). Pantun Brunei Sabah: Satu kajian stilistik. Tesis PhD (tidak diterbitkan), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.
- Koentjaraningrat. (2015). *Pengantar ilmu antropologi*. PT Rineka Cipta.
- Kridalaksana, Harimurti. (2011). *Kamus Linguistik*. PT Ikrar Mandiriabadi.
- Muhammad Hj Salleh. (2005). *Kata pengantar kurik kundi merah saga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Taib Osman. (1986). *Warisan Puisi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan tulisan teks dan budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong, Walter J. (1982). *Orality and literacy : The technologizing of the word*. Routledge.
- Rosliah Kiting. (2016). *Peranan pendidikan talaala dalam dan cadangan cara mewariskannya dalam masyarakat Kadazandusun*. Tesis PhD (tidak diterbitkan), Fakulti Pendidikan dan Psikologi, Universiti Malaysia Sabah.
- Salinah Ja'afar, Tengku Intan Marlina, Zurinah Hassan & Shafa'atussara Silahudin. (2016). *Wacana Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sibarani, R. (2004). *Antropinguistik*. PODA.
- Sobur, A. (2016). *Semiotika komunikasi* (Keenam). PT Remaja Rosdakarya.
- Wilkinson, R.J. & Winstedt, R.O (peny.). (1914). *Pantun Melayu*. Malaya Publishing House.
- Za'ba. (2008). *Kalung bunga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. (1992). *Kumpulan Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

## INFORMAN

Duraman bin Maidin, 85 tahun. Kampung Padang Bongawan, Papar.

**Asmiaty Amat** merupakan pensyarah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau menjalankan penyelidikan berkenaan kesusasteraan peribumi di Sabah dan telah menghasilkan beberapa artikel berkenaan pantun etnik seperti etnik Cocos, Bugis, Iranun dan Brunei.